

Natasha janji serap tekanan

Kepercayaan diberikan pihak pengurusan memberi tekanan kepada atlet lawan pedang wanita negara, Natasha Ezzra Abu Bakar menjelang hari pertama acara berkenaan di OCBC Arena, hari ini.

Natasha Ezzra diletakkan sasaran untuk sekurang-kurangnya meraih pingat perak acara individu foil wanita di Singapura.

Menurutnya walaupun sedikit tertekan, dia berjanji akan berusaha sebaik mungkin dan dalam masa sama mahu lebih waspada sewaktu bertemu atlet dari Vietnam dan Singapura.

“Ini penampilan ketiga saya di Sukan SEA selepas Korat (2007) dan Indonesia (2011). Mungkin disebabkan

“Mungkin disebabkan pengalaman saya diletakkan harapan untuk meraih pingat”

Natasha Ezzra Abu Bakar

kan pengalaman saya diletakkan harapan untuk meraih pingat,” katanya.

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu juga meletakkan sasaran peribadi dengan mara ke akhir acara individu kerana mahu memperbaiki pencapaian di Jakarta pada 2011.

Pencapaian terbaik Natasha Ezzra di temasya dwi tahunan itu ialah meraih gangsa pada 2011, manakala pada edisi 2013 di



Myanmar, acara lawan pedang tidak dipertandingkan.

Kali ini, dia akan menyertai dua acara memabitkan foil individu wanita dan berpasukan wanita.

Sebanyak 12 emas ditawarkan yang akan bermula hari ini hingga Ahad.